



Research **NEWS**

1/2024

Office of Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)
Universiti Teknologi MARA

e ISSN 3030-5039



9 773030 503001

Kurang dana punca sukar komersial produk kajian UA

Penyelidikan perlu lalui pelbagai kriteria ketat, utamakan projek berpotensi tinggi

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keperluan pelaburan modal yang tinggi, hingga melebihi kemampuan bajet atau dana adalah halangan utama atau punca menyebabkan pengkomersialan produk hasil penyelidikan universiti awam (UA) terbantut.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Profesor Ts Dr Norazah Abd Rahman, menyifatkan usaha menaik taraf hasil penyelidikan kepada produk atau teknologi atau perkhidmatan yang boleh dikomersialkan adalah mencabar, terutama jika masih dalam peringkat awal dari segi Tahap Kesiediaan Teknologi (TRL) iaitu satu hingga empat.

Beliau berkata, pada peringkat TRL 1-4 ini, teknologi memerlukan penyelidikan lanjutan dan pembangunan, bagi memastikan ia mencapai TRL 5 ke atas, dan seterusnya dapat dikomersialkan.

"Kita semua sedia maklum, kebanyakan geran pengkomersialan sedia ada membatinkan

proses tawaran yang sangat ketat bagi memastikan tiada risiko kegagalan dalam *Valley of Death* iaitu fasa kritikal di mana hasil penyelidikan perlu dipindahkan dari peringkat penyelidikan ke pengkomersialan.

"Justeru itu, kebanyakan geran atau dana pengkomersialan menetapkan kriteria yang ketat serta mengutamakan projek yang mempunyai potensi pasaran yang besar, strategi pemayaan yang mantap dan berdaya saing, kemampuan teknologi serta ketersediaan industri untuk mengkomersialkan sesuatu produk dan teknologi," katanya kepada BH.

Norazah berkata, proses pengkomersialan produk dan teknologi memerlukan masa dan perancangan yang teliti bagi memastikan teknologi tersebut tidak merugikan semua pemegang taruh yang terlibat.

"Pengurusan harta intelek yang mantap juga memainkan peranan penting bagi memastikan proses pengkomersialan produk dan teknologi membolehkan hasil yang lumayan.

"Universiti adalah medan pen-

cerian ilmu, kajian dan penemuan baharu. Menertiti pendekatan seimbang, universiti boleh menyokong usaha pengkomersialan hasil penyelidikan tanpa mengabaikan tujuan utamanya sebagai medan penyelidikan dan pembangunan ilmu pengetahuan," katanya.

Pelbagai bidang kemahiran
Tambahnya lagi, setiap IPT mempunyai kekuatan dan keistimewaan dalam merangka hala tuju sains, kemampuan teknologi serta ketersediaan industri untuk mengkomersialkan sesuatu produk dan teknologi, katanya.

"Sebagai contoh, sebagai salah satu universiti terkemuka di Malaysia, UiTM memiliki lebih daripada 9,000 warga akademik yang komited dalam menjalankan penyelidikan dan kajian yang berfokus dan berimpak dari kajian asas hingga kepada kajian terapan atau bersifat gunaan.

"Pengurusan kanaan UiTM memainkan peranan dalam memacu penyelidikan menghasilkan kajian yang berimpak dan bersasar dalam melestarikan ekonomi agar hasil kajian dapat mem-

berikan manfaat maksimum kepada masyarakat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan mampan," katanya.

Norazah berkata, UiTM sentiasa memastikan penyelidikunya menjalin kerjasama pintar bersama industri dari peringkat awal penyelidikan bagi membantu teknologi/produk/perkhidmatan yang dihasilkan menemui keperluan dan kehendak pasaran.

"Sokongan yang diberikan kepada penyelidik UiTM termasuk menyediakan fasiliti serta infrastruktur untuk tujuan pengkomersialan dan menyokong kerjasama pintar dengan industri bagi mempercepat proses pengkomersialan terbahit antaranya program Micro-Industrial Hub Industrial Research Lab (MIH-IRL).

"Melalui kerjasama ini, pembangunan hasil penyelidikan yang dijalankan dirancang mengikut keperluan industri dan dapat meningkatkan kesediaan produk TRL ke aras yang lebih tinggi.

"Dalam melonjakkan produk hasil penyelidikan ke arah pengkomersialan, beberapa faktor memainkan peranan penting termasuklah kos tinggi diperlukan bagi membolehkan produk dihasilkan lebih berdaya saing dan mampu bertahan di pasaran.

"Justeru, melalui program ini, hasil penyelidikan yang telah melepasi aras TRL 3 dipilih untuk menyertai program ini dan dengan kerjasama industri, aras kesiediaan teknologi ini dapat ditingkatkan," katanya.

“Kebanyakan geran atau dana pengkomersialan menetapkan kriteria yang ketat serta mengutamakan projek yang mempunyai potensi pasaran yang besar”



Norazah Abd Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM

16 March 2024 Kurang dana punca sukar komersial produk kajian UA

Berita Harian

Ikan bandaraya berpotensi jadi sumber pendapatan

Jabatan Perikanan digesa kaji secara menyeluruh bagi hasilkan produk mampu beri pulangan ekonomi

Oleh Latifah Ariffin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha memerkalkan potensi ikan bandaraya atau ikan bangkaya sebagai sumber ekonomi perlu dipertingkatkan dengan pelbagai pemenuhan keperluan yang membolehkan produk dihasilkan dengan nilai ekonomi tinggi untuk dikomersialkan.

Presiden Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohd Nur Hidir Mat Salleh, berkata Jabatan Perikanan digesa melihat secara menyeluruh keupayaan ikan bandaraya membolehkan ia boleh diproses untuk menghasilkan pelbagai produk.

"Usaha memburu untuk menghapukan ikan bandaraya ini perlu berjalan seiring dengan melihat kepada terikan ekonomi yang ada padanya. Sebarang ada banyak bahagian ikan ini daripada kulit, isi hingga terahan yang boleh memberikan pulangan ekonomi.

"Sebagai contoh, pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman, pada 2022 yang mula usaha berkoperasi dengan menggunakan sebahagian ikan ini sebagai umpam pemancingan.

"Terutama terahan boleh dijadikan umpam pemancingan hingga kini diwart rumah pemancingan di seluruh negara," katanya kepada BH.

Mohd Nur Hidir yang juga pengasas terhan sosial, berkata harga terhan ikan bandaraya mencapai RM40 hingga RM50 sekilogram, bergantung kepada

da salunya dengan pendapatan hasil jualan mampu mencapai RM2,000 seminggu.

Beliau berkata, sejak itu juga, semakin ramai pemancing dan nelayan dari yang mula turun ke sungai untuk memburu ikan bandaraya bagi tujuan memulau pendapatan sampingan daripada jualan sebahagian ikan tersebut.

"Selain itu, kami ada lebih 2,000 ahli. Jadi, selain mengadukan nilai berkala bagi menghapukan ikan bandaraya, kami juga boleh menambah pendapatan tambahan.

"Kami secara bersebelahan itu raut merasa isi ikan bandaraya. Terutama, terhan sangat berharga dan ramai yang menyukainya. Malah, ada di antara ahli yang berhasrat dengan menjadikannya isi ikan bandaraya sebagai kerdapang daging dalam hidangan dapur, sedemikian dimasak sebagai lauk," katanya.

Nilai kandungan merkuri
Selain itu, katanya, usaha Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya terutamanya bagi mengkomersialkan dalam kalangan masyarakat tempatan dan swasta.

"Selain itu, kami universiti awam mengambil sampel ikan bangkaya untuk penulisan kandungan merkuri untuk menentukan tahap keselamatannya sama ada selamat untuk dimakan.

"Hasil kajian sebuah universiti di awam pada 2022 menunjukkan kandungan merkuri ikan bangkaya lebih rendah berbanding ikan yang biasa kita makan seperti tilapia, selar kuning dan siakap. Kadarannya kurang daripada 0.5 yang membolehkan ia selamat untuk dimakan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Universiti Selangor (UNSGU) membuat kajian mengenai penghasilan makanan ikan daripada ikan bangkaya.

Katanya, Universiti Teknologi MARA juga memulauk penghasilan makanan daripada ikan bangkaya untuk kajian pelan-pelan.



Keratan akhbar BH, semalam.



Hasil ikan bandaraya yang diproses menjadi produk makanan ikan.

Mohd Nur Hidir menunjukkan telur ikan bandaraya yang sedia untuk dijual sebagai umpam pemancing.



Ahi Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya giat menjadi ikan bandaraya giat sekitar sungai di Lembah Klang. (Foto Ikatan FB Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya)



406 ikan bandaraya berjaya diperolehi pada misi memburu ikan bandaraya di Sungai Langat, UKM Bangi.

17 March 2024 Ikan bandaraya berpotensi jadi sumber pendapatan

Berita Harian